

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

SPU 305 Politik Masyarakat Majmuk

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja.

1. "Teori konsosiasi A. Lijphart amat berguna sekiranya kita ingin menjelaskan kestabilan politik dalam masyarakat majmuk. Akan tetapi ia tidak berjaya menjelaskan mengapa ketidakstabilan sering wujud dalam masyarakat sedemikian rupa. Kelemahan kedua teori Lijphart ialah tentang andaiannya yang sesuatu sistem konsosiasi adalah demokratik, manakala kestabilan itu lazimnya dicapai melalui cara yang tidak demokratik langsung". Berikan komen anda.

[100 markah]

2. Jelaskan bagaimana huraian dua penjenisan unggul Anthony Smith tentang 'bangsa' sebenarnya adalah satu cantuman definisi 'bangsa' sepertimana dikemukakan oleh Suntharalingam di satu pihak, dan definisi Connor tentang 'bangsa' di pihak yang lain.

[100 markah]

...2/-

3. Apakah yang dimaksudkan oleh C. Geertz dengan 'sentimen primordial'? Bagaimanakah sentimen-sentimen ini boleh menjejaskan ketenteraman sesuatu negara? Apakah pula kritikan seorang sarjana seperti F. Barth yang utamakan 'faktor subjektif' terhadap pendekatan Geertz ini?

[100 markah]

4. Furnivall merupakan pengasas konsep 'masyarakat majmuk'. Jelaskan apakah yang dimaksudkan oleh beliau dengan konsep ini. Bagaimanakah pendekatannya berbeza daripada pendekatan M Smith yang juga gunakan konsep 'masyarakat majmuk' ini.

[100 markah]

5. Dengan merujukkan kepada satu atau lebih teori ekonomi-politik, jelaskan mengapa ketegangan dan konflik perkauman terus berlanjutan di Semenanjung Malaysia sejak Kemerdekaan. Bincangkan juga sebarang kelemahan yang mungkin wujud dalam pendekatan ekonomi-politik ini.

[100 markah]

6. Dengan merujukkan kepada satu atau lebih teori komunalisme/'masyarakat majmuk' yang utamakan faktor-faktor budaya, jelaskan mengapa ketegangan dan konflik perkauman terus berlanjutan di Semenanjung Malaysia sejak Kemerdekaan. Bincangkan juga sebarang kelemahan yang mungkin wujud dalam pendekatan ini.

[100 markah]